

BAB 4

C-CERMAT

Ruzanifah Kosnin

“Meticulous planning will enable everything a man does to appear spontaneous” - Mark Caine

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, **cermat** diertikan dengan dua definisi iaitu yang pertama adalah ‘dengan penuh periksa (perhatian), saksama, teliti’ dan yang kedua, ‘berhati-hati dalam berbelanja, hemat, jimat, dan tidak boros’. Teliti bermaksud berhati-hati dalam membuat sesuatu perkara termasuklah dalam membuat keputusan. Berjimat cermat pula menggunakan apa yang kita miliki untuk perkara-perkara yang perlu sahaja tanpa pembaziran. Kedua-dua sifat cermat ini adalah nilai dan karakter yang perlu ada pada graduan yang ingin berjaya sebagai usahawan kerana sifat ini dapat membantu mereka menguruskan perniagaan dengan lebih baik. Dua konteks cermat; (i) sifat teliti dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan sama ada berfikir, membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu tindakan, (ii) berjimat cermat dalam perbelanjaan. Kedua-duanya adalah sifat yang dipupuk dan diamalkan oleh usahawan berjaya.

Cermat atau teliti boleh digunakan dalam konteks berfikir, membuat keputusan dan tindakan. Dalam kajian yang dibuat oleh Angela Duckworth, seorang pengkaji dari Universiti Pennsylvania bersama rakan-rakannya pada tahun 2012, mendapati bahawa orang yang teliti adalah yang paling berjaya dalam kehidupan. Ini kerana mereka yang teliti berupaya memberi tumpuan terhadap apa yang penting dan mereka berusaha sepenuhnya untuk mencapai matlamat. Menurut kajian ini, individu yang teliti dan bekerja keras melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh, teratur dan penuh tanggungjawab, serta membuat keputusan yang tidak terburu-buru adalah lebih produktif daripada rakan sekerja yang kurang teliti.